



Headline	Kerjasama strategik dan perkongsian pintar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 May 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	12,13	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,411
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,234



Keusahawanan & Pendidikan Global
Majlis Amanah Rakyat

Kerjasama strategik dan perkongsian pintar

BERMULA tahun ini, MARA telah mendapatkan perkongsian dengan syarikat dan institusi antarabangsa bagi mengenalpasti matlamatnya untuk menjadi pembekal perkhidmatan kejuruteraan utama industri ini di Malaysia dan rantau ini.

Semasa di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013 Mac lalu, MARA telah menandatangani beberapa MoU dengan syarikat tempatan dan luar negara untuk bekerjasama dari aspek latihan industri bagi graduan MARA, reka bentuk bahagian aeroangkasa, ujian non-destructive serta mewujudkan pusat inovasi.

Antara jalinan kerjasama strategik yang dibentuk oleh MARA ialah dengan syarikat gergasi industri aeroangkasa yang berpangkalan di Perancis, SAFRAN Snecma.

Mengulas kerjasama itu, Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad berkata, ia salah satu usaha MARA untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berinovatif di samping meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir yang kompeten selari dengan falsafah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Usaha ini dilaksanakan dengan membangunkan keupayaan negara dalam industri aeroangkasa sama ada dalam pembangunan modal insan, usahawan, teknologi mahupun ekosistem industri aeroangkasa itu sendiri," katanya sambil menjelaskan SAFRAN Snecma adalah salah sebuah syarikat yang menumpukan portfolio perniagaannya kepada rekabentuk, pembuatan dan jualan sistem pendorongan (propulsion system) di dalam ruang lingkup yang luas bagi industri aeronautik dan angkasa.

Ia merupakan sebahagian daripada SAFRAN Group iaitu syarikat pembuat enjin roket, komponen aeroangkasa dan keselamatan berstatus multinasional. Melalui kerjasama ini, MARA dan Snecma ini akan saling melengkapi dengan mewujudkan sebuah Pusat Kecemerlangan dalam bidang aeroangkasa di institusi pendidikan MARA (IPMa).

Selain itu, kolaborasi ini juga akan meningkatkan sistem latihan dan pembelajaran di institusi IPMA sehingga benar-benar dapat melahirkan sumber tenaga pada tahap yang dikehendaki dan diktiraf oleh pemain-pemain industri utama dunia.

MARA juga memeterai MoU dengan Strand Aerospace Malaysia (Strand) dalam bidang industri aeroangkasa, juga disempurnakan semasa LIMA di Langkawi Mac lalu.

"Kemasukan MARA dalam industri aeroangkasa dengan mendapatkan penyertaan ekuiti Strand merupakan satu usaha MARA untuk memperluaskan peranan sebagai pembekal utama tenaga kerja kompeten industri berdasarkan penglibatan sekian lama dalam pendidikan aeroangkasa menerusi UniKL MIAT.

"Strategi kami ialah dengan mempertingkatkan pelaburan modal insan untuk melahirkan tenaga kerja profesional bertaraf dunia dalam bidang aeroangkasa. Gabungan bersama Strand yang merupakan syarikat perkhidmatan aeroangkasa utama di bawah Program Transformasi Ekonomi adalah bertepatan sekali dalam meluaskan kapasiti MARA sebagai penyedia tenaga pakar industri ini," kata Ibrahim yang menandatangani MoU itu bersama Ketua Pegawai Operasi Strand, Haguib Mohd Nor.

Dalam tempoh singkat, Strand telah berkembang dengan kekuatan lebih daripada 160 jurutera menjadikan ia pemain utama dalam perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa di negara ini. Ketika ini, syarikat berkenaan berkhidmat untuk Airbus di Perancis, Jerman dan United Kingdom melalui pelbagai sokongan onsite dan offshore.

Haguib pula berkata: "Cabaran utama kami ialah mengekalkan kualiti sumber manusia seiring dengan pertumbuhan syarikat yang mensasarkan pasaran perkhidmatan kejuruteraan peringkat sederhana dan tinggi. Untuk itu, kolaborasi dengan MARA yang berkepakaran dalam membekalkan tenaga kerja profesional dalam bidang ini adalah sangat dialu-alukan."

Pada penghujung 2010, Strand dipilih untuk menerajui pembangunan industri perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Perniagaan NKEA yang mana projek peringkat permulaan ini terbukti berjaya apabila syarikat tersebut memperoleh peningkatan tahap kapabiliti dan teknologi. Kebanyakan bahagian yang direka bentuk atau dianalisa oleh Strand merupakan komponen kritikal pada sayap, fusijaj dan gear pendaratan yang dikeluarkan di Eropah yang mana penglibatan dalam kerja-kerja seumpama ini memberikan paparan menyeluruh arah tuju industri ini di peringkat global.

Oleh itu, melalui kerjasama yang terbentuk ini akan memberi sinergi kepada sistem pendidikan MARA dalam membantu mengurangkan permasalahan sumber manusia industri dengan memastikan modal insan yang berkaitan dibentuk untuk hari ini dan masa hadapan.

Kerjasama ini juga membolehkan kedua-dua pihak memantapkan kedudukan sebagai pemain dominan dalam perkhidmatan kejuruteraan terutama dalam pengeluaran dan industri penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih, melebarkan perkhidmatan kejuruteraan termasuk perkhidmatan menguji dan pematuhan.

Usaha melahirkan tenaga profesional dan pakar aeroangkasa negara menerusi sistem pendidikan MARA akan bermula dengan pendedahan pada peringkat pelajar menengah di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan seterusnya menyediakan laluan pendidikan sehingga ke tahap pengajian tinggi di Universiti Kuala Lumpur.

DATUK IBRAHIM AHMAD
Ketua Pengarah MARA